

# PM bawa reformasi holistik menerusi Malaysia MADANI



Penganalisis politik bebas

**Dr Sharmin Kutty Sivaraman**  
bhrencana@bh.com.my

**Kelmarin**, genap dua tahun pentadbiran kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Melihat kepada kronologi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) yang lalu, keputusannya agak pincang dan sukar diramal.

Secara rasminya pada 24 November 2022, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun dilantik menjadi Perdana Menteri ke-10 untuk menerajui Kerajaan Perpaduan dibentuk pasca PRU15.

Melihat kepada setahun pentadbiran PMX beberapa langkah pragmatik dilaksanakan beliau antaranya melancarkan Ekonomi MADANI untuk memperkasakan rakyat.

Ia dipandu dengan matlamat ingin dicapai antaranya kedudukan 30 ekonomi terbesar dunia, meningkatkan pendapatan pekerja kepada 45 peratus, kadar tenaga buruh wanita mencapai 60 peratus dan ke arah defisit 3.0 peratus atau lebih rendah.

Selain itu, Anwar memfokuskan kepada ekonomi dan pelaburan khususnya kepada Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu NIMP 2030) dengan memberi nafas baharu hala tuju per-

industrian bagi pertumbuhan fasa ekonomi negara.

Perdana Menteri menerima 17 kunjungan hormat dan lawatan negara daripada delegasi asing antara lain untuk mengukuhkan ekonomi serta menjalin kerjasama lebih baik dengan negara lain demi kebaikan masa depan negara.

Anwar juga muncul sebagai wira pemimpin Islam, khususnya pembelaan terhadap peperangan di Palestin dengan bertindak menggembelng kesepakatan dunia Islam supaya bergerak senada dan sederapdalam isu Palestin.

Memimpin Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 sudah pasti akan menjadi cabaran kepada Perdana Menteri mencari titik persamaan di sebalik perbezaan untuk meningkatkan aliran penjanaaan ekonomi antara negara ASEAN.

Anwar turut menumpukan agenda reformasi dalam sektor pendidikan. Beliau memberikan penekanan lebih tinggi kepada pembangunan sekolah daif untuk memberikan persekitaran lebih selesa dan kondusif kepada pelajar di sekolah.

Sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan dalam belanjawan sulungnya sebagai Perdana Menteri pada 2023 sebelum mengumumkan peruntukan tambahan RM1.4 bilion pada 2023.

Sebagai pemimpin diberikan nafas reformasi, pilihan raya negeri menyaksikan kerajaan pimpinan-

nya menang dengan bergaya di Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan walaupun tewas di Terengganu, Kedah dan Kelantan.

Pada siri pilihan raya kecil parti mewakili Kerajaan Perpaduan berjaya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu, Pelangai, Simpang Jeram, Nenggeri dan Mahkota.

Gaya kepimpinan beliau membawa perubahan menerusi interaksi kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa elemen seperti membanteras rasuah dan reformasi tatakelola.

Oleh itu, walaupun pelbagai usaha giat dilakukan Anwar untuk memastikan sokongan rakyat bersama dengan pentadbiran beliau berlandaskan konsep MADANI, beliau masih mempunyai baki tiga tahun lagi untuk melaksanakan penambahbaikan.

Antara yang perlu diberikan fokus utama ialah agenda masyarakat India dengan meneliti kembali buku 'Malaysian Indian Blueprint', isu RON95 dalam konteks subsidi dan impaknya kepada T15 yang masih menjadi tanda tanya kepada rakyat.

Namun yang penting, pelbagai usaha signifikan dilakukan Anwar untuk terus mendapat perhatian dan sokongan Melayu serta bukan Melayu. Berbekalkan tindakan susulan inklusif selepas ini, ia diharapkan dapat menjamin masa depan lebih baik untuk mendepani tiga tahun lagi pentadbiran Malaysia MADANI.